

## Lima lebuh raya boleh guna kad debit, kredit

oleh IZWAN ROZLIN | 21 Mac 2023 06:35pm

KUALA LUMPUR - Pengguna jalan raya boleh menggunakan kad debit dan kredit untuk pembayaran tol di beberapa lebuh raya utama negara selewat-lewatnya September 2023.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pelaksanaan sistem pembayaran terbuka (open payment system) itu adalah inisiatif awal dalam peralihan ke arah sistem Multi Lane Fast Flow (MLFF) yang giat diusahakan.

Menurutnya, lebuh raya terbabit adalah Lebuhraya Sungai Besi, Lebuhraya Baru Pantai, Lebuhraya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur, Lebuhraya Koridor Guthrie dan Jambatan Pulau Pinang.

"Melalui pelaksanaan MLFF, open payment system akan dilaksanakan di kesemua lebuh raya di Malaysia secara berperingkat dan akan membuka peluang kepada lebih ramai pihak pemberi kemudahan e-Wallet untuk turut serta dan tiada lagi monopoli oleh pihak Touch 'N Go.

"Dengan itu, persaingan sihat akan wujud di antara pemain industri yang akan membuka lebih banyak pilihan kepada pengguna lebuh raya untuk membuat pembayaran tol sekali gus memberikan kemudahan kepada mereka," katanya dalam hantaran di Facebook pada Selasa.

Tambah beliau, pembuktian konsep sistem MLFF akan dijalankan sebelum penghujung Oktober 2023 bagi menilai sistem tersebut sebelum dilaksanakan di lebuh raya seluruh negara.

Jelasnya, lokasi bagi pembuktian konsep masih dirundingkan dan bakal dimuktamadkan dalam masa terdekat, sebelum pelaksanaan MLFF secara sepenuhnya dilaksanakan secara berfasa selewat-lewatnya pada suku ketiga 2024.

Pengumuman itu dibuat susulan perancangan dan perbincangan diadakan bersama pihak-pihak terlibat termasuk syarikat konsesi lebuh raya sejak awal tahun ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum ini berkata, kerajaan tidak menolak kemungkinan akan meneliti kembali monopoli sistem pembayaran, Touch n Go (TNG) di negara ini.